


Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289
Syawal / Zulkaedah 1440 — Jun / Julai 2019
BIL: 13 / 2019



SELAMAT TINGGAL YA RAMADHAN,...

Amalan Sesudah Ramadan

Kembara Imam
Hamlatul Qur'an

Kenapa Takut
Menyampaikan
Pengucapan Awam

Halalan
Toyyiban

ACIS Academic Week 2019

Program Penasihat Akademik 2019

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Shahril Anuar Abdul Ghalim
Nurul Nisha Mohd Shah
Nuruul Hidayah Mansur
Mu'allim Mohd Bakri
Siti Aishah Sokhibul Fadil

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri kelapanbelas atau siri ketigabelas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Amalan Sesudah Ramadan*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Amalan Sesudah Ramadan (3)
- ⇒ Mengapa takut menyampaikan Pengucapan Awam (7)
- ⇒ Kembara Imam Hamlatul Quran (9)
- ⇒ ACIS Academic Week 2019 (11)
- ⇒ Halalan Tayyiban (13)
- ⇒ Program Penasihat Akademik 2019 (15)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Amalan Sesudah Ramadan

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Beberapa minggu yang lalu, Ramadhan telah pun berlalu dan memberi pelbagai pengajaran dan tauladan. Perayaan Idulfitri yang disambut pada ketika ini akan berlarutan sepanjang bulan Syawal sebagai tanda umat Islam berjaya menunaikan amanah melaksanakan latihan kerohanian selama sebulan. Ramadhan telah melatih mendidik umat Islam agar dapat membentuk pengurusan hidup yang terbaik, kekuatan takwa yang mantap, mewujudkan manusia yang baru, bersih dari dosa. Hanya orang-orang yang beramal soleh dapat menghasilkan ketakwaan, merasai nikmat puasa dan dapat mengalami perubahan. Lantaran itu, umat Islam mampu meneruskan kesinambungan cahaya keberkatan

Ramadhan dalam tempoh sebelas bulan yang akan datang menandakannya telah bertanggungjawab melahirkan insan yang bertakwa.

Berdasarkan kejayaan ini maka setiap muslim berhak merayakan hari Idulfitri. Kemeriahannya dapat dirasakan dengan rumah-rumah dibersihkan, hiasan dalaman dan luaran rumah juga penuh keceriaan, sanak saudara, sahabat handai berkumpul beramai-ramai menikmati juadah makanan yang disediakan. Kemeriahannya menyambut Idulfitri adakalanya tidak dapat dipisahkan dengan hiburan sebagai tanda keseronokan. Pada dasarnya Islam tidak melarang umat Islam untuk berhibur dan bersukaria semasa sambutan hari raya namun janganlah ia berlebih-lebihan dan melampaui batas keagamaan serta ada unsur-unsur kemaksiatan.

Nabi Muhammad SAW mengharuskan beberapa jenis hiburan seperti nyanyian yang tidak memberahikan, syair, nasyid, dan jenis-jenis permainan ringan. Namun begitu, dalam suasana kemeriahinan dan ceria ini, haruslah di-

ingatkan bahawa Islam mengajar kita melakukan sesuatu perkara dalam keadaan yang bersederhana. Dalam keghairahan meraikan Idulfitri, janganlah sampai ke tahap melakukan pembaziran. Berbelanjalah dengan mengikut kemampuan, jangan sampai berhutang dan bergolak bergadai sehingga ada yang sanggup mengeluarkan wang simpanan atau tabungan semata-mata memenuhi kehendak nafsu berbelanja. Raikan Idulfitri dengan berpada-pada dan tidak membazir kerana ia dibenci oleh Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah al-Israk ayat 27 yang bermaksud: **“Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan”**.

Sesungguhnya, setelah tamatnya berpuasa di bulan Ramadhan dan meraikan Idulfitri kadangkala timbul kesedaran yang kuat dikalangan umat Islam tentang bagaimana meneruskan sinaran cahaya Ramadhan yang dilalui sebelum ini. Ada yang ingin mendapat maklumat lanjut tentang puasa enam, puasa sunat yang lain, puasa nazar, fidyah puasa dan sebagainya. Ternyata bahawa Islam adalah agama rahmat yang sentiasa menggalakan umatnya berdamping rapat dengan Allah SWT. Islam menyediakan pilihan-pilihan amalan puasa dalam pelbagai jenis. Sebagai langkah tambah nilai untuk mengukuhkan dan menguatkan cahaya Ramadhan Allah SWT telah memperuntukkan amalan puasa enam dalam bulan Syawal. Puasa enam ini hukumnya sunat. Abu Ayub RA meriwayatkan sebuah hadith saih, sabda Rasulullah SAW:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: **“Barangsiaapa berpuasa Ramadhan, kemudian ia mengiringinya dengan puasa enam hari dari bulan Shawal, adalah puasanya itu seperti puasa sepanjang masa”.**(Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadith ini melaksanakan puasa wajib Ramadhan dan disambung pula dengan puasa enam hari dalam bulan Syawal, maka ganjaran pahalanya seolah-olah berpuasa sepanjang tahun. Terdapat beberapa persoalan tentang puasa enam iaitu bilakah masa sesuai untuk melaksanakaan puasa enam. Para ulama telah menentukan puasa enam ini boleh dilaksanakan dalam dua bentuk:

Pertama: Menunaikan puasa terus menerus selama enam hari mulai dari 2 Syawal

Kedua : Boleh dikerjakan berselang seli mengikut keupayaan dalam bulan Syawal.

Bagaimanapun puasa enam ini lebih afdal dilaksanakan enam hari berturut-turut mulai 2 Syawal selepas hari raya yang pertama. Antara fadhilat puasa enam ini ialah:

Pertama: Memberi pahala sepanjang masa.

Kedua: Sebagai langkah tambahan menampung kelemahan puasa wajib Ramadhan.

Ketiga: Mengulangi puasa sesudah Ramadhan sebagai tanda keyakinan puasa kita

diterima Allah SWT.

Keempat: Sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT

Kelima: Sebagai tanda kekal mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Selain puasa enam para jemaah dan umat Islam sekalian boleh juga mengamalkan puasa-puasa sunat hari isnin dan khamis, Puasa hari Arafah musim Haji, Puasa hari Asyura 10 Muharram dan beberapa jenis puasa sunat yang lain. Adalah diingatkan bahawa puasa-puasa sunat ini diamalkan adalah untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh itu adab-adab puasa sunat hendaklah dijaga sepetimana menjaga adab puasa wajib Ramadhan. Puasa-puasa sunat juga memberi fadhilat yang besar kepada kaum Muslimin. Abu Said al-Khudri meriwayatkan Sabda Rasulullah SAW: **"Sesiapa yang berpuasa sehari pada jalan Allah nescaya Allah akan menjauhkan mukanya dari api neraka sejauh perjalanan 70 tahun"** (Riwayat:al-Bukhari).

Dalam keghairahan melaksanakan puasa sunat, perlu juga diingatkan agar membayar hutang-hutang puasa yang telah ditinggalkan atau puasa nazar yang tidak dilaksanakan. Jika puasa Ramadhan yang lalu, terdapat beberapa hari ditinggalkan maka hendaklah menqadhakan puasa mengikut jumlah hari yang ditinggalkan. Bagi mereka yang tidak mampu menqadhakan kerana tua maka dia hendaklah membayar fidyah. Sekiranya dia masih ada

tunggakkan hutang Ramadhan yang lampau, dia hendaklah juga membayar fidyah mengikut jumlah hari disamping melaksanakan qadha puasa yang ditinggalkan pada tahun semasa.

Sesungguhnya, di ingatkan juga bahawa menjadi tanggungjawab anak-anak untuk membayar segala hutang puasa dengan membayar fidyah ibu bapa yang telah meninggal dunia, mudah-mudahan dengan cara ini mereka akan terlepas dari seksaan dan dirahmati Allah SWT di akhirat kelak.



Bagi mereka yang merosakkan puasanya dengan melakukan persetubuhan dengan sengaja di siang hari pada bulan Ramadhan, maka hukum baginya wajib membayar kafarah iaitu berpuasa dua bulan berturut-turut. Jika tidak mampu hendaklah memberi makan kepada 60 orang fakir miskin.

Satu lagi yang menjadi isu selepas Ramadhan ialah puasa Nazar. Puasa nazar wajib dilaksanakan jika bernazar kerana atas pencapaian sesuatu. Jika gagal melaksanakan puasa nazar, kita diwajibkan membayar denda atau kafarat iaitu memberi makan 10 orang

miskin atau memberi pakaian yang sewajarnya kepada orang miskin.

Sebagai kesimpulan, sebagai umat Islam yang beriman hendaklah berterusan mempertahankan cahaya Ramadhan dengan meneruskan amalan puasa-puasa sunat kerana telah diakui oleh Allah SWT dan pakar perubatan bahawa puasa adalah amalan mujarab menjaga kesejahteraan manusia serta meningkatkan ketakwaan. Sebagai peringatan marilah kita merenungi firman Allah dalam surah al-A'raaf ayat 26 yang bermaksud: "***Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (kurnia) Allah supaya mereka beringat.***".

ISTIQOMAH SETELAH RAMADHAN



Kenapa Takut Menyampaikan Pengucapan Awam?

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghafim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)



Sebagai ahli komunikasi, penulis seringkali menerima pertanyaan tentang cara untuk meningkatkan keyakinan sewaktu tampil berbicara di hadapan orang lain. Hal ini kerana kebanyakan individu berasa takut dan gementar untuk berbicara di hadapan individu lain. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh para penyelidik, telah terbukti bahawa ketakutan melakukan pengucapan awam adalah merupakan antara ketakutan tertinggi yang dihadapi oleh setiap individu.

Terdapat banyak faktor yang menyumbangkan kepada rasa takut untuk melakukan pengucapan awam. Di sini penulis ingin berkongsi faktor-faktor utama yang menyebabkan ramai individu berasa kurang yakin untuk tampil ke hadapan dan melakukan pengucapan awam.

Faktor yang pertama adalah individu

terbabit kurang membuat persediaan untuk berbicara di hadapan khalayak ramai. Persediaan yang kurang akan membuatkan individu terbabit merasakan bahawa akan ada banyak lompong dalam bicaranya. Dia juga tidak dapat mengupas sesuatu isu atau maklumat yang disampaikan dengan baik. Apabila maklumat yang disampaikan tidak lengkap atau sukar difahami maka mudah untuk pendengar salah faham dengan mesej yang cuba disampaikan.

Faktor yang kedua adalah terlalu yakin dengan diri. Sikap terlalu yakin dengan diri akan membuatkan seseorang itu mengambil mudah dengan tugas yang diberikan. Dia menganggap bahawa apa yang bakal disampaikan telah dikuasainya. Sedangkan kita semua tahu bahawa tidak ada manusia di dunia ini sempurna. Ilmu yang dimiliki juga perlu

sentiasa dikemas kini agar relevan dengan kehendak semasa. Contoh yang disampaikan juga perlulah berkaitan dengan pendengar agar mereka dapat merasai sendiri dengan hati.

Faktor ketiga yang menyebabkan rasa takut sewaktu melakukan pengucapan awam adalah tidak mengenai siapakah bakal pendengar mereka. Kebanyakan individu yang ingin menyampaikan sesuatu kepada orang lain hanya fokus kepada tajuk atau topik yang bakal disampaikan. Mereka hanya membuat penelitian mendalam dan kajian terdapat topik yang akan disampaikan sahaja tanpa mengambil kira dengan siapa mereka akan berkomunikasi nanti. Pemberi ucapan perlu tahu bahawa setiap manusia itu berbeza. Setiap pendengar datang dari pelbagai latar belakang. Mungkin ada antara mereka yang mempunyai pengalaman yang lebih hebat daripada kita. Jadi adalah penting untuk kita mendapatkan maklumat yang lengkap tentang pendengar kita nanti. Dengan mendapatkan informasi yang terlibat maka kita dapat merancang maklumat yang bakal disampaikan dengan lebih baik dan mantap.

Faktor terakhir yang penulis dapat kongsikan adalah mereka terlalu ‘over thinking’ atau memikirkan perkara negatif yang bakal berlaku sewaktu mereka membuat pengucapan awam. Sebenarnya tidak salah untuk kita sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan, namun terlalu banyak berfikir membuat kita berasa tidak tenang dan selesa. Ketenangan sangat penting sewaktu

menyampaikan pengucapan awam. Hal ini kerana jika seseorang itu berkomunikasi dengan keadaan yang tidak tenang atau serabut, dia tidak akan dapat menyusun maklumat-maklumat yang bakal disampaikan dengan baik. Pendengar pula akan mudah bosan apabila informasi yang disampaikan kucar-kacir. Apabila pendengar tidak memberikan perhatian maka proses komunikasi itu tidak dapat berjalan dengan lancar kerana mereka tidak memberikan maklum balas dengan baik.

Kesimpulannya dengan mengetahui faktor-faktor yang membuat kita rasa takut untuk membuat pengucapan awam dapat membantu kita untuk membuat persedian yang lengkap sebelum memberikan ucapan. Walau sehebat mana pun isi kandungan pengucapan kita, jika tidak disampaikan dengan baik maka tidak ada gunanya. Jadi sentiasa pertingkatkan kemahiran diri dalam memberikan pengucapan yang terbaik dan jangan lupa untuk sentiasa praktis.. praktis dan praktis.



Kembara Imam Hamlatul Qur'an, Plus Tahfiz UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Oleh : Nurul Hidayah Binti Mansor

Penyelaras Program Plus Tahfiz UiTM Cawangan Negeri Sembilan/ Pensyarah ACIS Kuala Pilah



Kuala Pilah, Mei 6-24, 2019: Buat julung kalinya Kelab Hamlatul Quran mengadakan program kembara Imam Hamlatul Quran yang disertai oleh mahasiswa dari program Plus Tahfiz UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Melalui program ini, seramai 16 orang mahasiswa tahfiz telah berkhidmat sebagai imam terawikh bermula 6 hingga 24 Mei di 7 buah masjid dan surau di sekitar daerah Kuala Pilah.

- Masjid al-Firdaus Kariah Melang,
- Masjid Kariah Kuala Jemapoh
- Masjid Kariah Beting
- Surau Taman Senimas
- Surau Desa Jemapoh
- Madrasah Hamdan Shakirin Jemapoh

⇒ Pusat Islam al-Taqwa UiTM Kuala Pilah

Melalui program ini, mahasiswa diberikan peluang dan pendedahan untuk mendapat pengalaman tampil sebagai seorang imam yang baik di samping melahirkan mahasiswa yang mempunyai nilai sifat kemasyarakatan. Aktiviti yang dijalankan turut melibatkan khidmat imam terawikh, bacaan tahlil, rombongan kembara imarah imam dan iftar jamaie bersama dengan komuniti masjid.

Program yang berlangsung selama 19 hari sepanjang Ramadhan kali ini disambut baik oleh komuniti masjid dan masyarakat setempat di daerah Kuala Pilah. Malahan, sepanjang program ini berlangsung pihak jawatankuasa dan komuniti masjid juga sangat menyambut baik rombongan kembara imarah imam



dengan mengadakan majlis berbuka puasa bersama-sama dengan para mahasiswa tahfiz. Program ini turut diimarahkan lagi dengan aktiviti Kembara imarah imam yang telah di adakan sebanyak 7 kali di semua masjid dan surau yang terlibat yang dihadiri oleh 30 orang ahli kelab hamlatul quran.

Sebagai penghargaan dan tanda terima kasih, aktiviti program disertakan dengan majlis sesi penyerahan cenderamata dari pihak Hamlatul Quran UiTM kepada setiap masjid dan surau yang terlibat dengan dihadiri pengurus MPKK Kampung, Pengurus Kariah dan Imam-Imam Masjid/Surau serta kepada para

Imam Hamlatul Quran.



Akhirnya, seluruh jawatankuasa Program Kembara Imam Hamlatul Quran mengucapkan ribuan terima kasih untuk kelulusan program dari peringkat Rektor, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Plus Tahfiz Shah Alam, Ketua Pusat Pengajian ACIS dan Penyelaras Program Plus Tahfiz Negeri Sembilan. Begitu juga kepada para imam huffaz dan seluruh jawatankuasa kerja Program Kembara Imam Hamlatul Quran.



ACIS ACADEMIC WEEK 2019

“Multi Activity in Teaching & Learning”

Oleh : Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah terus komited dan berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan mengadakan program **“ACIS Academic Week 2019 : Multi Activity in Teaching & Learning”** pada 13 & 14 Mei 2019 di bawah kelulusan Tabung Program Pembangunan Pelajar – Akademik (TAPA), UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Tema Multi Activity in Teaching & Learning ini dipilih bagi memenuhi keperluan tugas kerja kursus dari pelbagai kod kursus ACIS dengan menggunakan metod penyampaian dan penerimaan yang lebih kreatif, inovatif dan tertumpu kepada suasana yang lebih sesuai dan kondusif.

Program ini mengandungi dua aktiviti

utama iaitu “Amazingrace Yasin” dan “Galeri Pameran Tamadun Islam”. Bagi aktiviti “Amazingrace Yasin”, ia telah dilaksanakan pada 13 Mei 2019 khusus kepada pelajar part 1 yang mengambil kod CTU101 (Prinsip-prinsip Asas Islam) iaitu seramai 54 orang pelajar dari Program Diploma Pengurusan Halal (IC120) dan Diploma Mikrobiologi (AS114). Aktiviti ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran pelajar dalam menghafaz Surah Yasin ayat 1-20 disamping menyempurnakan salah satu tugas kerja kursus (hafazan) bagi kod tersebut. Selain itu, objektifnya juga adalah untuk melatih potensi diri dan membentuk minda pelajar lebih positif terhadap pembelajaran agama yang lebih interaktif dan inovatif serta memupuk nilai pembudayaan ilmu,



tanggungjawab dan kerjasama berkumpulan. Kaedah perlaksanaan telah dijalankan secara santai di luar kelas melalui permainan explorace yang mengandungi 10 checkpoint yang perlu dilalui oleh setiap kumpulan pelajar dan kandungan aktiviti setiap checkpoint tersebut meliputi aspek hafazan surah yasin, hukum tajwid dan soalan mengenai asas-asas Islam.

Seterusnya bagi aktiviti "Galeri Pameran Tamadun Islam" pula, seramai 622 orang pelajar diploma yang mendaftar kod CTU151 dan 37 orang pelajar ijazah yang mendaftar kod CTU551 telah mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Aktiviti ini dirancang adalah sebagai usaha menggalakkan minat pelajar terhadap ilmu tamadun dan pemikiran Islam melalui pemberian ilmu pengetahuan dalam bentuk aktiviti santai. Ia juga bertujuan memperkasa kaedah pengajaran berteraskan kepada student centered learning dan memberikan pengalaman menarik kepada pelajar dalam kursus tamadun serta mengukuhkan nilai pembelajaran kendiri dalam kalangan pelajar. Melalui aktiviti ini, para pensyarah telah mengambil inisiatif mengadakan pelbagai bentuk aktiviti di dalam bilik kuliah masing-masing seperti

melukis, permainan kahoot, poster, debat dan forum dan hasil aktiviti pelajar yang terbaik telah dipamerkan dalam Galeri Pameran Tamadun Islam pada 13 Mei 2019.

Program ini berakhir pada 14 Mei 2019 jam 12 tengahari di LT200, Kampus Kuala Pilah dengan majlis perasmian penutup dan sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Rektor HEA, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Prof. Madya Dr Abdul Halim bin Ramli. Sehubungan itu, pihak ACIS Kampus Kuala Pilah menzahirkan rasa syukur kepada Allah Ta'ala atas kejayaan perlaksanaan program ini dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada BHEA Kampus Kuala Pilah atas kelulusan program ini dan para pensyarah ACIS bersama ahli jawatankuasa program yang memberi komitmen tinggi terhadap program ini. Di-harapkan dengan perlaksanaan program ini, ia dapat memberi impak dan manfaat kepada pelajar dalam memantapkan ilmu-ilmu Islam dari pelbagai bidang disamping melatih kemahiran pelajar secara berterusan dalam meneroka ilmu sepanjang pengajian di UiTM serta membantu hasrat universiti dalam melahirkan pelajar dinamik, progresif dan holistik dalam menggapai kecemerlangan akademik.



Halalan Tayyiban

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Pengambilan makanan yang bersumberkan Halalan Tayyiban atau halal yang baik bukan sahaja mampu me-lahirkan masyarakat yang cergas bahkan akan menjana ekonomi umat Islam. Berdasarkan pasaran luas makanan halal di dunia, maka negara bukan Islam atau syarikat bukan Islam telah berlumba-lumba mengambil kesempatan bagi mengeluarkan makanan dan produk-produk halal yang lain.

Namun begitu, wujud persoalan apakah maksud sebenar Halalan Tayyiban? Sesungguhnya, sebahagian umat Islam hanya memahami makanan halal adalah makanan yang bersumber daripada binatang halal yang disembelih dengan nama Allah Taala dan tidak mengandungi lemak babi. Ini merupakan pemahaman yang salah.

Justeru itu, berdasarkan pemahaman yang salah ini, maka ter-dapat sebahagian orang Islam yang menjual makanan halal tetapi premis

atau kedai kotor, pinggan mangkuk, tempat memproses makanan, stor dan sebagainya tidak bersih dan menjijikkan. Kadangkala penjual dan pekerja juga tidak menjaga kebersihan diri mereka. Keadaan ini bercanggah dengan ajaran Islam dan Prinsip Halalan Tayyiban.

Hakikatnya prinsip makanan Halalan Tayyiban bermaksud makanan itu halal lagi bersih dan selamat untuk dimakan yang mengambil kira status sumber makanan, peralatan, cara memproses, penyimpanan, pembungkusan dan kawasan persekitaran bebas daripada najis serta mematuhi standard amalan kebersihan yang ditetapkan.

Media massa sering memberikan maklumat mengenai masyarakat yang terdiri daripada pelanggan dan pelajar sekolah yang memakan makanan halal di kedai makan dan di kantin sekolah mengalami keracunan makanan. Keadaan ini berpunca daripada sikap penjual atau pengguna sendiri yang mengabaikan aspek kebersihan makanan.

Allah SWT berfirman di dalam surah al-Baqarah ayat 173-172 yang bermaksud: ***“Wahai orang yang beriman ! makanlah dari rezeki yang baik yang telah Kami berikan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu beribadah kepada-***

Nya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas, maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani “.

Ayat ini menjelaskan bahawa kita perlu memastikan bahawa makanan dan minuman yang diambil adalah daripada sumber yang halal kerana makanan yang halal akan memberi kesihatan jasmani dan rohani.

Lantaran itu, prinsip makanan Halalan Tayyiban yang dianjurkan oleh Islam adalah sesuai untuk diamalkan oleh manusia sejagat. Bagi memenuhi tuntutan Islam ini, maka umat Islam berkewajipan mengusahakan pengeluaran makanan halal Tayyiban bertaraf dunia. Walau bagaimanapun, bilangan umat Islam yang melibatkan diri dalam industri halal ini masih lagi kurang. Keadaan ini boleh dilihat berdasarkan statistik permohonan sijil halal JAKIM. Sesungguhnya, didapati majoriti permohonan adalah terdiri daripada syarikat-syarikat yang bukan Islam. Justeru itu, umat Islam di Malaysia khususnya haruslah berlumba-lumba untuk melibatkan diri secara bersungguh-sungguh dalam industri makanan dan produk halal untuk menjaga status Halalan Tayyiban demi memenuhi standard piawaian yang ditetapkan dalam ajaran Islam.

Sesungguhnya, agama Islam memang mewajibkan kita mendapatkan sumber rezeki dan makanan yang halal.

Ini bertepatan dengan amaran yang telah Rasulullah SAW nyatakan melalui hadith baginda: Daripada Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Wahai Kaab bin ‘Ujrah Sesungguhnya seseorang tidak akan masuk syurga jika terdapat daging yang tumbuh di dalam tubuh badannya daripada sumber yang haram. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa seseorang yang mengamalkan gaya hidup dengan mengambil berat aspek rezeki dan pengambilan makanan halal lagi baik adalah di antara tandanya orang yang beriman.

Antara langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi memastikan sumber makanan itu halal adalah:

Langkah Pertama: Pastikan bahawa makanan tersebut terdapat logo halal yang diiktiraf oleh badan-badan yang berautoriti seperti logo halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan serta Majlis Agama Islam Negeri.

Langkah Kedua: Perlu berwaspada dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang amalan kebersihan dan keselamatan makanan seperti yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Langkah Ketiga : Pastikan rezeki dan makanan adalah bebas daripada unsur syubhah.

Akhirnya, hayatilah firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: **“ Wahai sekalian manusia ! makanlah dari apa yang ada dibumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. ”**

PROGRAM PENASIHAT AKADEMIK

“Tunaikan Tanggungjawab Tersingkap Ukhluwwah”

Oleh : Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Pada 10 Mei 2019, ACIS Kampus Kuala Pilah telah mengadakan “**Program Penasihat Akademik**” yang merupakan satu inisiatif ACIS untuk memperkasakan peranan penasihat akademik dan menyediakan platform untuk menyalurkan makluman berkaitan akademik pelajar. Pemilihan tema “Tunaikan Tanggungjawab Tersingkap Ukhluwwah” dalam program ini adalah kerana pengisian yang dijalankan berkait rapat mengenai tanggungjawab pelajar di UiTM dan peranan penasihat akademik dalam pengurusan akademik pelajar selain mewujudkan hubungan yang mesra dan jalinan ukhuwwah yang antara pelajar dan penasihat akademik.

Objektif khusus program ini diadakan adalah untuk memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar mengenai UiTM dan tanggungjawab pelajar dalam akademik serta peranan penasihat akademik dalam membantu perkembangan dan perancangan akademik pelajar. Seterusnya meningkatkan potensi diri dan

kemahiran berpasukan pelajar disamping mewujudkan hubungan baik dan jalinan ukhuwwah antara pelajar dan penasihat akademik melalui aktiviti yang dijalankan. Malah program ini turut bertujuan menerapkan nilai pembudayaan ilmu, nilai tanggungjawab dan elemen kerjasama untuk mencapai sebuah kejayaan dan kecemerlangan akademik.

Bagi merealisasikan objektif tersebut, program dimulakan dengan taklimat ringkas oleh KPP ACIS, Ustaz Hisam Bin Satari mengenai peranan penasihat akademik dan diteruskan dengan perlaksanaan 3 aktiviti permainan mengikut kumpulan penasihat akademik yang turut disediakan hadiah kepada pemenang bagi setiap aktiviti. Aktiviti pertama diberi nama Kenali UiTM Hayati Tanggungjawab yang bertujuan menguji pengetahuan pelajar tentang UiTM dan tanggungjawab pelajar dalam akademik melalui permainan kahoot. Seterusnya aktiviti kedua dikenali sebagai Ilmu Mantap



Insan Cemerlang yang bertujuan menguji pengetahuan pelajar berkaitan kod kursus yang dipelajari melalui permainan sinar cahaya manakala aktiviti terakhir pula diberi nama Sedetik Bersama Seabad Terasa yang bertujuan mewujudkan kemesraan antara penasihat akademik dan pelajar melalui permainan mencari perkataan, skrin rosak dan salah benar.

Seramai 160 orang pelajar, 7 penasihat akademik dari kalangan pensyarah ACIS Kampus Kuala Pilah dan Seremban telah terlibat dalam program ini bermula dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang di Bilik Seminar 2 & 3, Kampus Kuala Pilah. Alhamdulillah program ini telah berjalan dengan jayanya hasil kerjasama semua penasihat akademik ACIS dan ahli jawatankuasa program dan diharapkan program seperti ini dapat

diteruskan pada masa akan datang bagi memperkasa peranan Penasihat Akademik khususnya dalam kalangan pensyarah ACIS demi menjaga kualiti akademik pengurusan program Diploma Pengurusan Halal (IC120) dan kecemerlangan ACIS.



Sehubungan itu, ACIS ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada BHEA Kampus Kuala Pilah terutamanya Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof. Madya Dr Abdul Halim bin Ramli atas kelulusan program ini dan peruntukan yang diberikan melalui Tabung Program Pembangunan Pelajar – Akademik (TAPA) serta kesudian merasmikan majlis penutup program dan sesi penyampaian hadiah kepada pelajar.

